



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***PERBEZAAN BENTUK TULISAN ARAB DAN JAWI BAGI KATA PINJAMAN
DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB***

MOHD ZULKIFLI BIN MOHD SAMAN @ SHUHAIMI

FBMK 2015 18



**PERBEZAAN BENTUK TULISAN ARAB DAN JAWI BAGI KATA PINJAMAN
DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Oleh

MOHD ZULKIFLI BIN MOHD SAMAN @ SHUHAIMI

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia,
sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Sarjana Sastera**

Ogos 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Sarjana Sastera

**PERBEZAAN BENTUK TULISAN ARAB DAN JAWI BAGI KATA
PINJAMAN DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

Oleh

MOHD ZULKIFLI BIN MOHD SAMAN @ SHUHAIMI

Ogos 2015

Pengerusi: Prof. Madya Ab. Halim bin Mohamad, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Terdapat perbezaan bentuk tulisan Arab dan Jawi bagi sebahagian kata pinjaman seperti perkataan ‘*ahl*’ (أهل), ‘*lisān*’ (لسان) dan ‘*adab*’ (أدب), apabila perkataan-perkataan ini ditulis dengan menggunakan sistem tulisan Jawi ejaannya berubah menjadi (اهلي), (ليسن) dan (ادب). Perbezaan ini memberi kesan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya bagi pelajar menengah rendah. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti (1) tahap penguasaan pelajar menulis perkataan Arab yang dimelayukan, (2) bentuk-bentuk kesalahan yang kerap dilakukan oleh mereka dan (3) implikasi pengaruh tulisan Jawi terhadap penulisan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini berbentuk lapangan yang menggunakan ujian sebagai instrument kajian. Responden kajian melibatkan 100 orang pelajar menengah rendah yang terdiri daripada pelajar tingkatan dua dan tiga. Sampel kajian dipilih secara rawak dari empat buah sekolah menengah dalam Daerah Jasin, Melaka. Pemilihan sekolah merangkumi dua kategori iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang menawarkan subjek bahasa Arab sebagai mata pelajaran pilihan. Hasil kajian membuktikan bahawa para Pelajar masih lagi lemah menulis perkataan Arab terutama pada kalimah yang telah diserap dalam bahasa Melayu. Mereka tidak menguasai dengan baik sistem tulisan Arab serta tidak dapat membezakannya dengan sistem tulisan Jawi. Sebahagian daripada mereka telah menulis perkataan-perkataan tersebut sebagaimana ejaannya dalam tulisan Jawi. Hasil dapatan kajian merekodkan 43 orang pelajar (43%) mendapat gred E, manakala hanya 3 orang pelajar (3%) sahaja memperolehi tahap cemerlang iaitu gred A. Bentuk kesalahan terbesar yang dilakukan oleh mereka adalah disebabkan pengaruh tulisan Jawi iaitu melibatkan 1387 kesalahan (82.5%), manakala kesalahan-kesalahan lain hanya membentuk 17.5% atau 294 daripada keseluruhan kesalahan yang dilakukan.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree Master of Arts

**ARABIC AND JAWI: DIFFERENCES IN WRITTEN FORM OF
LOANWORDS FOR ARABIC LANGUAGE LEARNING**

By

MOHD ZULKIFLI BIN MOHD SAMAN @ SHUHAIMI

August 2015

Chair : Prof. Madya Ab. Halim bin Mohamad, PhD
Faculty: Bahasa Moden dan Komunikasi

There is a difference in terms of Arabic and Jawi forms of writing for some Arabic loanwords in Jawi writing system such as ‘*ahl*’ (أهل), ‘*lisān*’ (لسان) and ‘*adab*’ (أدب). These Arabic words are spelled differently in Jawi writing; which are written as (اهلي), (ليسن) and (ادب). The difference affects the learning and teaching process of Arabic language in certain ways especially towards lower secondary students. Thus, this research aims to (1) identify the level of students’ mastery level in writing Arabic loanwords (2) besides to know forms of regular mistakes that were committed by the students in the writing and (3) implications of Jawi writing’s influence towards student writing in Arabic language learning. A survey was carried out using a set of questionnaire as the research instrument. 100 lower secondary students who were Form 2 and Form 3 students involved in the study. Four secondary schools within Jasin district in Melaka were chosen randomly. Both types of schools which were National Secondary School (SMK) and Government Assisted Religious School (SABK) were selected which offered Arabic language as elective subject. They do not possess good Arabic writing system and are not able to differentiate the difference between the Arabic and Jawi writing forms. Some of the students wrote the Arabic words in Jawi writing system. There were 43 students (43%) scored grade E (very weak) and only 3 students (3%) managed to achieve grade A (excellent) in the test. The major mistake done by the students was due to the influence of Jawi writing form which recorded 1387 mistakes (82.5%), while other forms of mistakes only showed 294 mistakes (17.5%) out of the overall percentage.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW pembawa rahmat untuk sekalian alam.

Segala puji dan syukur dirafa'kan kehadiran Allah SWT kerana dengan taufik, hidayah dan inayahNya saya dapat menyiapkan tesis ini yang bertajuk "Perbezaan Bentuk Tulisan Arab dan Jawi bagi Kata Pinjaman dalam Pembelajaran Bahasa Arab".

Pertamanya suka saya rakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih khususnya kepada Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Ab. Halim bin Mohamad dan dibantu oleh Dr. Che Radiah binti Mezah yang telah banyak membantu, membimbing, memberi tunjuk ajar dan menyelia kerja-kerja penulisan tesis ini sejak dari awal hingga sempurna.

Jutaan terima kasih dan penghargaan turut dihulurkan kepada Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Prof. Madya Dr. Mua'ti @ Zamri bin Ahmad dan Timbalan Dekan Siswazah Prof. Madya Dr. Ain Nadzimah binti Abdullah, serta kepada para pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM atas curahan ilmu yang tidak ternilai.

Penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi peluang kepada saya menyambung pelajaran dan membiayai pengajian ini, juga kepada para pentadbir SMK Dato Abdul Rahman Ya'kub, SMA Tahfiz Quran Chenderah, SMA As Sayyidah Khadijah dan SMKA Tun Perak serta tidak ketinggalan kepada sahabat handai, rakan-rakan seperjuangan dan teman-teman yang memberikan dorongan, sokongan, motivasi dan semangat sehingga saya berada di tahap ini.

Kepada kedua ibu bapa Hajah Zainab binti Hj. Hussin dan Haji Mohd Saman @ Shuhaimi yang merupakan guru pertama, anakanda hulurkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kerana menjaga, membesarkan dan mendidik diri ini sejak kecil hinggalah sekarang. Pengorbanan, jasa, kegigihan, ketabahan dan kesabaran bonda dan ayahanda dalam mendidik diri ini hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalasnya.

Buat isteri tercinta Norliza binti Hj. Muhammad Nor dan anakanda yang dikasihi Norwajieha Alieya, Muhammad Zul Izz dan Muhammad Mursyid jutaan terima kasih diucapkan kerana amat memahami diri ini dalam mencari seteguk ilmu, serta atas segala bantuan, sokongan, dorongan dan kerjasama yang diberikan sepanjang pengajian di peringkat ijazah sarjana dan penyediaan tesis ini.

Semoga segala usaha dan pengorbanan kita semua mendapat ganjaran dan pahala yang selayaknya di sisi Allah SWT, Amin Ya Rabba Al 'Alamin.

MOHD ZULKIFLI BIN MOHD SAMAN @ SHUHAIMI
Zul Kaedah 1435H / Ogos 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah sarjana sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ab. Halim bin Mohamad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Che Radiah binti Mezah, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Ab. Halim bin Mohamad, PhD

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Che Radiah binti Mezah, PhD

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI CARTA	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi
PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI	xvii

BAB

1 PENGENALAN

1.0	Latar Belakang Kajian.	1
1.1	Penyataan Masalah	2
1.2	Kepentingan Kajian	4
1.3	Sebab Pemilihan Tajuk	4
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Objektif Kajian	5
1.6	Hipotesis Kajian	5
1.7	Batasan Kajian	6
1.8	Kesimpulan	6

2 SOROTAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	7
2.1	Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu	7
2.1.1	Definisi Kata Pinjaman	7
2.1.2	Faktor Peminjaman Kata Arab dalam Bahasa Melayu	8
2.1.3	Kaedah Penyesuaian Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu	12
2.1.4	Pembahagian Kata Pinjaman Arab Mengikut Bidang	13
2.2	Perbezaan Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu	13
2.2.1	Perbezaan dari segi Semantik	13
2.2.1.1	Definisi Semantik	13
2.2.1.2	Perubahan Semantik pada Kata Pinjaman Arab	14
2.2.2	Perbezaan dari segi Fonologi	15
2.2.2.1	Definisi Fonologi	15
2.2.2.2	Bidang Kajian Fonologi	15
2.2.2.3	Perbezaan Fonologi dengan Fonetik	16
2.2.2.4	Perubahan Fonologi pada Kata Pinjaman Arab	17
2.2.3	Perbezaan dari segi Morfologi	19

	2.2.3.1	Definisi Morfologi	19
	2.2.3.2	Perubahan Morfologi pada Kata Pinjaman Arab	20
	2.2.4	Perbezaan Sistem Ejaan	20
	2.2.4.1	Tulisan Jawi	20
	2.2.4.2	Sistem Tulisan Jawi	23
	2.2.4.3	Kaedah Mengeja Kata Pinjaman Arab dalam Sistem Tulisan Jawi	25
	2.2.4.4	Tulisan Arab	26
	2.2.4.5	Sistem Tulisan Arab	27
	2.2.4.6	Pebezaaan Sistem Tulisan Jawi dan Arab	28
	2.3	Implikasi Perubahan Kata pinjaman Arab dalam Pembelajaran Bahasa Arab	29
	2.3.1	Kesan dari segi Semantik	29
	2.3.2	Kesan dari segi Fonologi	30
	2.3.3	Kesan dari segi Ejaan	32
	2.4	Kesimpulan	34
3	METODOLOGI KAJIAN		
	3.0	Pendahuluan	36
	3.1	Kaedah Kajian	36
	3.2	Persampelan	37
	3.3	Instrumen Kajian	38
	3.3.1	Bahan Ujian	40
	3.3.2	Sebab Pemilihan Ujian Berbentuk Penulisan	40
	3.4	Ujian	41
	3.4.1	Ujian Rintis	41
	3.4.2	Ujian Sebenar	41
	3.4.2.1	Perlaksanaan Ujian Sebenar	42
	3.5	Pengumpulan dan Penganalisan Data	43
	3.5.1	Pengumpulan Skrip Jawapan	44
	3.5.2	Pemeriksaan Skrip Jawapan	44
	3.5.3	Pengumpulan Markah	44
	3.5.4	Prosedur dan Langkah-Langkah Penganalisan Data	44
	3.6	Kesimpulan	46
4	DAPATAN KAJIAN		
	4.0	Pendahuluan	47
	4.1	Tahap Penguasaan Pelajar Menulis Perkataan Arab yang Dimelayukan	47
	4.1.1	Pencapaian Pelajar dalam Ujian Bahasa Arab dan Ujian Jawi dalam Bentuk Gred	49
	4.1.2	Pencapaian Ujian Bahasa Arab dan Jawi Pelajar SABK dan SMK	50
	4.1.2.1	Pencapaian Ujian Bahasa Arab dan Jawi Pelajar SABK	50
	4.1.2.2	Pencapaian Ujian Bahasa Arab dan Ujian Jawi Pelajar SMK	52

4.1.2.3	Perbandingan Pencapaian Ujian Bahasa Arab dan Jawi Pelajar SABK dan SMK	53
4.1.3	Kesimpulan	54
4.2	Bentuk-Bentuk Kesalahan dan Implikasinya	54
4.2.1	Kesalahan Mengeja Item Disebabkan Pengaruh Sistem Tulisan Jawi	55
4.2.2	Kesalahan–Kesalahan Lain	66
4.2.3	Kesimpulan	67
4.3	Pengaruh Tulisan Jawi Terhadap Penulisan Bahasa Arab	67
4.3.1	Skor Keseluruhan bagi Setiap Item Soalan	68
4.3.2	Hubungan antara Kemahiran Menulis Jawi dengan Pencapaian Penulisan Bahasa Arab bagi Kata Pinjaman	83
4.3.3	Implikasi Kesalahan Ejaan Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab	84
4.3.4	Kesimpulan	91
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.0	Pendahuluan	92
5.1	Kesimpulan Kajian	92
5.2	Saranan dan Cadangan	93
5.2.1	Saranan bagi Mengatasi Masalah Kelemahan Penulisan Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar	93
5.2.2	Cadangan Kajian Lanjutan	98
5.3	Penutup	98
	BIBLIOGRAFI	99
	LAMPIRAN	103
	BIODATA PELAJAR	116

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Perbezaan Ejaan antara Tulisan Arab dan Jawi bagi Kata Pinjaman Arab	2
2.1	Perbezaan antara Fonologi dan Fonetik	17
2.2	Susunan, Nama dan Padanan Huruf Jawi dalam Tulisan Rumi	23
2.3	Perubahan yang Berlaku kepada Huruf Jawi Mengikut Kedudukannya	24
2.4	Vokal Jawi dan Fonem yang Dilambangkannya serta Contoh Penggunaannya dalam Perkataan.	25
2.5	Penggunaan Huruf Vokal <i>Wāw</i> dan <i>Yā'</i> dalam Ejaan Jawi Bagi KPA	26
2.6	Perbezaan Ejaan antara Tulisan Arab dan Jawi bagi Kata Pinjaman	28
2.7	Contoh Perkataan yang Mempunyai Sebutan yang Hampir Sama antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu	31
3.1	Senarai Nama Sekolah dan Bilangan Sampel bagi Setiap Tingkatan	37
3.2	Senarai Kata Pinjaman Serupa	39
3.3	Senarai Kata Pinjaman Hampir Serupa	39
3.4	Tarikh, Masa dan Sekolah yang Terlibat dalam Pelaksanaan Ujian	42
3.5	Skala Gred Penilaian Menengah Rendah (PMR)	44
4.1	Analisis Perbandingan Pencapaian Markah Ujian Bahasa Arab dan Ujian Jawi	48
4.2	Skala Gred Pencapaian Menengah Rendah (PMR)	49
4.3	Gred Keseluruhan Pencapaian Pelajar bagi Ujian Bahasa Arab dan Ujian Jawi	49
4.4	Analisis Perbandingan Pencapaian Pelajar SABK bagi Ujian Bahasa Arab dan Ujian Jawi	51
4.5	Analisis Perbandingan Skor Pencapaian Pelajar SMK bagi Ujian Bahasa Arab dan Ujian Jawi	53
4.6	Analisis Perbandingan Skor Pencapaian Pelajar SABK dan SMK bagi Ujian Bahasa Arab dan Ujian Jawi	53
4.7	Analisis Perbandingan Kesalahan Pengaruh Sistem Tulisan Jawi dan Kesalahan Lain pada Menulis Kata Pinjaman Arab	55
4.8	Analisis Keseluruhan Kesalahan Menulis Item Soalan Setiap Jenis	55
4.9	Penambah Huruf <i>Alif</i> pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	56
4.10	Analisis Kesalahan Disebabkan Penambahan Huruf <i>Alif</i>	57
4.11	Penambahan Huruf <i>Wāw</i> pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	57
4.12	Analisis Kesalahan Disebabkan Penambahan Huruf <i>Wāw</i>	58
4.13	Penambahan Huruf <i>Yā'</i> pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	58
4.14	Analisis Kesalahan Disebabkan Penambahan Huruf <i>Yā'</i>	59

4.15	Penggantian Huruf <i>Ta' Marbūtah</i> dengan Huruf <i>Ta' Maftūḥah</i> pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	59
4.16	Analisis Kesalahan Disebabkan Penggantian Huruf <i>Ta' Marbūtah</i> dengan <i>Ta' Maftūḥah</i>	60
4.17	Huruf <i>Tā' Marbūtah</i> Digantikan dengan Huruf <i>Hā'</i> pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	60
4.18	Analisis Kesalahan Disebabkan Penggantian Huruf <i>Ta' Marbūtah</i> kepada Huruf <i>Hā'</i>	61
4.19	Penggantian <i>Hamzah Qata'</i> Di Awal Perkataan dengan Huruf <i>Alif</i> pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	61
4.20	Analisis Kesalahan Disebabkan Penggantian <i>Hamzah Qata'</i> Di Awal Perkataan dengan Huruf <i>Alif</i>	61
4.21	Huruf <i>Alif Maqṣūrah</i> Berbentuk <i>Yā'</i> Diganti Dengan Huruf <i>Alif Mad</i> pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	62
4.22	Analisis Kesalahan Disebabkan Penggantian Huruf <i>Alif Maqṣūrah</i> Berbentuk <i>Yā'</i> Di Akhir Kalimah dengan Huruf <i>Alif Mad</i>	62
4.23	Pengguguran Huruf <i>Alif</i> pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	63
4.24	Analisis Kesalahan Disebabkan Pengguguran Huruf <i>Alif</i>	63
4.25	Penggantian dan Penambahan Huruf pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	63
4.26	Analisis Kesalahan Disebabkan Penggantian dan Penambahan Huruf	64
4.27	Penambahan dan Pengguguran Huruf pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	64
4.28	Analisis Kesalahan Disebabkan Pengguguran dan Penambahan Huruf	65
4.29	Pengguguran, Penambahan dan Penggantian Huruf pada Ejaan Sistem Tulisan Jawi bagi KPA	65
4.30	Analisis Kesalahan Disebabkan Pengguguran, Penambahan dan Penggantian Huruf	66
4.31	Analisis Keseluruhan Kesalahan–Kesalahan Lain	67
4.32	Analisis Keseluruhan Item Ujian Bahasa Arab	68
4.33	Skor Keseluruhan Perkataan “Adab”	69
4.34	Skor Keseluruhan Perkataan “Khidmat”	69
4.35	Skor Keseluruhan Perkataan “Ilmu”	70
4.36	Skor Keseluruhan Perkataan “Dakwah”	70
4.37	Skor Keseluruhan Perkataan “Hikmah”	71
4.38	Skor Keseluruhan Perkataan “Hijrah”	71
4.39	Skor Keseluruhan Perkataan “Jadual”	72
4.40	Skor Keseluruhan Perkataan “Ahad”	72
4.41	Skor Keseluruhan Perkataan “Nikmat”	73
4.42	Skor Keseluruhan Perkataan “Ahli”	73
4.43	Skor Keseluruhan Perkataan “Waktu”	74
4.44	Skor Keseluruhan Perkataan “Iman”	74
4.45	Skor Keseluruhan Perkataan “Rasmi”	75
4.46	Skor Keseluruhan Perkataan “Badan”	75
4.47	Skor Keseluruhan Perkataan “Wajah”	76

4.48	Skor Keseluruhan Perkataan “Alim”	76
4.49	Skor Keseluruhan Perkataan “Jumlah”	76
4.50	Skor Keseluruhan Perkataan “Hakim”	77
4.51	Skor Keseluruhan Perkataan “Faedah”	77
4.52	Skor Keseluruhan Perkataan “Umur”	78
4.53	Skor Keseluruhan Perkataan “Takjub”	78
4.54	Skor Keseluruhan Perkataan “Hadir”	79
4.55	Skor Keseluruhan Perkataan “Makna”	79
4.56	Skor Keseluruhan Perkataan “Tahniah”	80
4.57	Skor Keseluruhan Perkataan “Mungkar”	80
4.58	Skor Keseluruhan Perkataan “Syarikat”	81
4.59	Skor Keseluruhan Perkataan “Sihat”	81
4.60	Skor Keseluruhan Perkataan “Jiran”	82
4.61	Skor Keseluruhan Perkataan “Misal”	82
4.62	Skor Keseluruhan Perkataan “Nasihat”	83
4.63	Analisis Kolerasi Pearson antara Markah Ujian Bahasa Arab dan Ujian Jawi	83
4.64	Kesalahan Disebabkan Pengaruh Tulisan Jawi	84
4.65	Perubahan Ejaan Membawa Perubahan Makna dan Bentuk Perkataan	86
4.66	<i>Fi’l</i> yang Dihubungkan Dengan <i>Tā’ Mutakallim</i> atau <i>Tā’ Mukhāṭab</i>	88
4.67	Kata Nama yang Dijadikan dalam Bentuk <i>Muthannā</i>	88

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Prosedur Penganalisan Data	43
3.2	Pengiraan Markah Sebenar	45



SENARAI CARTA

Carta		Halaman
4.1	Skor Keseluruhan Ujian Menulis Kata Pinjaman dalam Tulisan Arab	47
4.2	Skor Keseluruhan Ujian Menulis Kata Pinjaman dalam Tulisan Jawi	48
4.3	Skor Keseluruhan Tahap Penguasaan Ujian Bahasa Arab Pelajar SABK	51
4.4	Skor Keseluruhan Tahap Penguasaan Menulis Jawi Pelajar SABK	51
4.5	Skor Keseluruhan Tahap Penguasaan Ujian Bahasa Arab Pelajar SMK	52
4.6	Skor Keseluruhan Tahap Penguasaan Ujian Jawi Pelajar SMK	52
4.7	Analisis Kesalahan Lain Setiap Item Soalan	66
4.8	Skor Keseluruhan Setiap Perkataan bagi Ujian Bahasa Arab	68
4.9	Kekerapan dan Peratus bagi Jawapan yang Betul dan Salah	84

SENARAI SINGKATAN

KPA
SABK
SMK
KAA
PMR
SPSS

Kata Pinjaman Arab
Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
Sekolah Menengah Kebangsaan
Kelas Aliran Agama
Penilaian Menengah Rendah
Statistical Package for Social Sciences



© COPYRIGHT UPM

**PEDOMAN TRANSLITERASI ARAB KE RUMI
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, 2008)**

A. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	-	ط	ṭ
ب	b	ظ	ẓ
ت	t	ع	‘
ث	th	غ	gh
ج	j	ف	f
ح	ḥ	ق	q
خ	kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	sh	ء	’
ص	ṣ	ي	y
ض	ḍ	ة	ah*

* Ditransliterasikan sebagai ‘at’ dalam konteks gabungan dua perkataan.

B. Vokal

Pendek		Panjang		Diftong	
ا	a	ا	ā	أي	ay
ي	i	ي	ī	أو	aw
و	u	و	ū		



BAB 1

PENGENALAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Kemahiran menulis merupakan kemahiran ke empat yang mesti dikuasai pelajar dalam pembelajaran bahasa (Siti Fatimah Saad, 2013). Walaupun ianya berada pada kedudukan terakhir, namun ianya sangat penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat secara tepat dan berkesan. Menurut Siti Fatimah Saad (2013) kemahiran menulis merupakan proses akhir bagi seseorang itu menyatakan apa yang difikirkan, apa yang diucapkan dan apa yang telah dipelajari serta apa yang dibacanya melalui bentuk-bentuk huruf. Kemahiran menulis adalah berkait rapat dengan sistem ejaan sesuatu tulisan. Jika sesuatu perkataan yang ditulis itu mengikut sistem atau kaedah yang telah ditetapkan, maka ianya akan difahami dan maklumat yang hendak disampaikan akan memberi faedah kepada pembaca. Setiap bahasa memiliki sistem ejaan dan kaedah yang berbeza walaupun huruf yang digunakan adalah sama atau hampir sama, demikian juga halnya dengan bahasa Melayu khususnya tulisan Jawi. Walaupun tulisan Jawi merupakan sebuah tulisan yang tercipta hasil daripada pengaruh Arab dan Islam di Nusantara, akan tetapi sistem tulisan kedua-duanya adalah berbeza di antara satu dengan yang lain.

Tulisan Jawi telah mengambil kesemua huruf Arab menjadi sebahagian daripada huruf-hurufnya, selain daripada menambah beberapa huruf baru bagi melambangkan fonem-fonem Melayu yang tidak dapat dilambangkan oleh huruf-huruf Arab. Huruf-huruf tersebut adalah *ca* (), *nga* (), *ga* (), *nya* (), *pa* () dan *va* (). Lima huruf pertama telah diwujudkan sejak dahulu lagi sedangkan huruf yang terakhir iaitu *va* () yang digunakan untuk membunyikan fonem [v] baru diciptakan dalam Konvensyen Kebangsaan Tulisan Jawi yang diadakan di Terengganu pada tahun 1984 (Ahmad Johari moain, 1996).

Sistem ejaan Arab adalah mengikut fonologi atau bunyi pada setiap perkataannya yang disusuli dengan baris-baris yang menggantikan huruf vokal dan tanda-tanda tertentu. Manakala bahasa Melayu pula, khususnya tulisan Jawi mempunyai sistem yang berlainan dengan sistem ejaan Arab walaupun ia berkongsi aksara yang sama. Sistem tulisan Jawi adalah sama dengan sistem tulisan Rumi. Ia mengandungi huruf-huruf vokal dan konsonan. Dalam kaedah ejaan Jawi terdapat tiga huruf vokal iaitu *alif* (), *wĒw* (), dan *yĒø* (). Ketiga-tiga huruf ini mewakili enam huruf vokal dalam tulisan Rumi (Muhammad Husain Hj. Bahruddin, 2002).

Sejajar dengan kepesatan ilmu dan perkongsian maklumat, bermula pada zaman Melayu Melaka lagi telah banyak perkataan-perkataan Arab telah diserap menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa Melayu seperti alam, alim, ilmu, rukun, faedah dan banyak lagi. Ianya membentuk perbendaharaan baru dan menambahkan glosari bahasa kebangsaan secara tidak langsung. Sehingga kini telah terdapat beberapa kamus merekodkan kata pinjaman Arab (KPA) yang telah dihasilkan oleh penulis tempatan seperti Abdul Hamid bin Ahmad. Melalui kamusnya al-Hamidi beliau telah merekodkan KPA yang berjumlah 2000 patah perkataan, manakala Muhammad Payang dalam kamusnya Gugus Kata Arab Melayu telah memuatkan 1725 patah perkataan dan Muhammad Sanusi bin Hj Mahmud melalui kamus Istilah

Islamiah pula telah merekodkan lebih kurang 2000 patah perkataan (Muhammad Abdul Jabbar, 1979). Mengikut apa yang telah direkodkan oleh ketiga-tiga kamus ini, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa keseluruhan KPA adalah antara 1700 hingga 2000 patah perkataan. Walaupun KPA ini ada sebahagiannya tidak berubah sebutan atau fonologinya dengan bahasa asal, tetapi dari segi penulisannya terdapat perbezaan yang agak ketara di antara tulisan Arab dan tulisan Jawi, sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual 1.1 berikut:

Jadual 1.1 : Perbezaan Ejaan antara Tulisan Arab dan Jawi bagi Kata Pinjaman Arab

Bil	Kata Pinjaman Arab	Ejaan dalam tulisan Arab	Ejaan dalam tulisan Jawi
1	Ilmu		
2	Alim		
3	Tahniah		
4	Hijrah		
5	Makna		
6	Munkar		
7	Waktu		
8	Badan		
9	Umur		
10	Majlis		
11	Rujuk		
12	Anasir		
13	sujud		
14	Unsur		
14	Musafir		
15	Syarikat		

1.1 Penyataan Masalah

Skop kajian tentang pembelajaran bahasa Arab amat luas dan mendalam. Ianya merupakan sebuah kajian bagi mencapai matlamat untuk memperkasakan bahasa Arab dan seterusnya membantu para pelajar, khususnya diperingkat sekolah menguasai bahasa ini dengan lebih baik dan berkesan. Pengaruh bahasa ibunda merupakan masalah biasa yang dihadapi para pelajar, ianya dialami oleh kebanyakan mereka yang mempelajari bahasa kedua. Begitu juga bagi pelajar yang mempelajari bahasa Arab, lebih-lebih lagi bahasa al-Quran ini berkongsi huruf yang sama dengan bahasa Melayu khususnya tulisan Jawi. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Hasyim Haji Musa (1999) bahawa kesan yang amat besar dalam perkembangan bahasa Melayu hasil daripada kedatangan Islam adalah penggunaan dan adaptasi huruf Arab sehingga menjadi sebahagian daripada huruf Jawi untuk mengeja perkataan Melayu. Tulisan Jawi telah diajar kepada para pelajar seawal usia enam tahun diperingkat pra sekolah lagi.

Terdapat sebahagian pelajar masih belum dapat menguasai dengan baik kemahiran menulis, oleh yang demikian mereka kerap melakukan kesalahan dari aspek penulisan terutamanya dalam menulis perkataan Arab yang telah dipinjamkan ke dalam bahasa Melayu. Mereka terkeliru antara ejaan Jawi dengan ejaan Arab yang tepat. Keadaan ini kerana bahasa Arab merupakan bahasa infleksi (*i m'Ébiyyah*) yang mana vokalnya diganti dengan baris (*fat'ah, kasrah dan l'hammah*) manakala tulisan Jawi telah mengadaptasikan huruf vokal sebagaimana tulisan rumi iaitu huruf *alif* untuk vokal [a], huruf *y* untuk vokal [e] dan vokal [i] dan *wÉw* untuk vokal [o] dan

vokal [u] (Che Siah Che Man, 2007). Mokhtar Talib (1989) telah menyatakan bahawa dalam bahasa Melayu terdapat banyak KPA. Tulisan Rumi tidak dapat memberikan bunyi yang tepat sebagaimana bunyi asal perkataan tersebut dalam bahasa aslinya. Misalnya, bunyi " " dan " hanya ditulis dengan menggunakan huruf [z], bunyi , dan" ditulis dengan menggunakan huruf [s], bunyi " dan ditulis dengan menggunakan huruf [t], bunyi , dan ditulis dengan menggunakan huruf [k] manakala bunyi " dan " ditulis dengan huruf [h] sahaja. Perbezaan bunyi yang dituturkan bagi kata pinjaman ini menyebabkan berlakunya kekeliruan dalam pembelajaran bahasa Arab dan menyebabkan kesalahan semasa menuliskannya.

Hal ini juga telah dinyatakan oleh Che Radiah binti Mezah (2006) bahawa mengikut dapatan kajian beliau ke atas 120 skrip karangan dari dua buah tajuk yang ditulis oleh 60 orang responden dari 4 buah sekolah menengah di Selangor, mendapati kesilapan ortografi atau ejaan merupakan yang terbesar iaitu 37.6 %, hal ini terjadi disebabkan oleh pengaruh bahasa pertama yang merupakan faktor utama menyumbang kepada berlakunya kesilapan tersebut. Terjadinya kesilapan penulisan di kalangan pelajar pada kata pinjaman Arab umumnya disebabkan mereka terkesan dengan sistem tulisan Jawi yang mempunyai kaedah yang berbeza dengan sistem tulisan Arab. Sebagai contoh, dalam tulisan Jawi sebahagian besar perkataan pinjaman Arab yang bermula dengan huruf *hamzah qat D* rakan digantikan dengan huruf *alif*.

Perkara yang sama juga telah ditegaskan oleh Aziyun Othman (2012) bahawa penggunaan huruf *hamzah* dan *alif* yang berbeza antara tulisan Arab dan tulisan Jawi menjadi punca utama kesilapan penulisan dan pengabaianya dalam bahasa Arab. Terdapat pengaruh Jawi yang kuat dalam menulis perkataan Arab bagi pelajar sekolah menengah, terutama melibatkan KPA yang mengalami perubahan ejaannya dalam sistem tulisan Jawi. Muhammad Bahari bin Abdul Jabbar (2011) menyatakan di antara sebab utama berlakunya kesilapan pembentukan kata terbitan bahasa Arab di kalangan pelajar bahasa Arab kerana kesan daripada pengaruh bahasa ibunda ke atas diri mereka seperti menyamakan tatabahasa Arab dengan tatabahasa Melayu serta pengaruh tulisan Jawi terhadap penulisan pelajar khususnya pada kata pinjaman.

Perbezaan sistem ejaan ini telah membawa kesan secara langsung kepada para pelajar terutama dalam penulisan bahasa Arab. Sebahagian daripada mereka melakukan kesalahan kerana tidak dapat membezakan ejaan yang tepat antara tulisan Jawi dan Arab. Ini adalah sejajar dengan dapatan yang telah diperolehi Che Radiah Mezah (2006) yang menyatakan bahawa kesilapan pelajar menambah huruf dalam perkataan berkemungkinan disebabkan oleh kejahilan pelajar dengan kaedah mengeja atau kerana pemindahan bahasa ibunda ke dalam bahasa Arab. Tidak dapat dinafikan bahawa pelajar terpengaruh dengan sistem tulisan Jawi semasa menulis perkataan, lebih-lebih lagi pada KPA yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Kesimpulannya, dilihat bahawa pelajar menghadapi kesukaran dalam membezakan antara sistem tulisan Arab dan sistem tulisan Jawi. Mereka memindahkan pengalaman dan maklumat sistem tulisan Jawi ke dalam penulisan bahasa Arab dalam bentuk yang begitu jelas. Responden kajian yang dijalankan oleh Che Radiah Mezah dan Muhammad Bahari bin Abdul Jabbar adalah dalam kalangan pelajar tingkatan enam dan pelajar jurusan Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Pusat Asasi

UIA. Jika pelajar diperingkat ini pun masih menunjukkan pengaruh tulisan Jawi memang wujud dalam penulisan mereka, maka pengaruh tulisan Jawi kepada pelajar menengah rendah khususnya tingkatan dua dan tiga adalah lebih ketara lagi. Rentetan daripada permasalahan ini, maka sebuah kajian terperinci harus dijalankan untuk mengetahui secara tepat sejauh mana implikasi pengaruh sistem tulisan Jawi terhadap penulisan bahasa Arab bagi pelajar-pelajar menengah rendah khususnya murid-murid tingkatan 2&3.

1.2 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini akan dapat memberikan faedah yang besar dalam meningkatkan mutu penguasaan pelajar dalam bahasa Arab. Ianya diharapkan dapat membantu meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa al-Quran ini serta menghindarkan diri mereka dari melakukan kesalahan ejaan ketika menulis ayat atau karangan bahasa Arab. Selain itu, ianya sangat berfaedah dalam bidang perkamusan dengan menerbitkan kamus KPA yang menggunakan dwi tulisan iaitu tulisan Jawi dan Arab dan disertakan penekanan tentang perbezaan bentuk tulisan antara keduanya. Penegasan ini bertujuan supaya pelajar tidak lagi terkeliru ketika menulis perkataan-perkataan tersebut.

Kajian ini juga dapat memberikan kesedaran bahawa pentingnya buku teks bahasa Arab diperingkat menengah rendah, digubal dan dihasilkan dengan mengambil kira kesesuaian setiap patah perkataan yang dimuatkan di dalamnya. Dalam merealisasikan tujuan ini, seharusnya diperbanyakkan penggunaan perkataan Arab yang telah dimelayukan, disamping itu dimasukkan juga glosari ejaan yang tepat bagi perkataan tersebut dengan membuat perbandingan antara tulisan Jawi dan Arab.

Diharapkan hasil dapatan kajian ini nanti dapat memberikan teknik pendekatan yang berkesan kepada para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Mereka seharusnya memberi penekanan dan tumpuan yang lebih terhadap penulisan para pelajar khususnya pada perkataan Arab yang telah terserap dalam bahasa Melayu.

1.3 Sebab Pemilihan Tajuk

Kajian berkaitan dengan kesan pengaruh bentuk tulisan Jawi terhadap pembelajaran bahasa Arab bagi kata pinjaman perlu dijalankan berdasarkan beberapa sebab utama iaitu:

i) Kajian tentang kata pinjaman Arab walaupun telah banyak dibuat, namun kebanyakan kajian memfokuskan kepada bandingan bahasa dari segi makna, analisis semantik kognatif dan perubahan maksud. Namun begitu, belum ada lagi kajian yang menyentuh kata pinjaman ini dari aspek penulisannya dalam tulisan Jawi, serta kesannya kepada pelajar dalam membina ayat atau menghasilkan karangan bahasa Arab. Justeru itu, pengkaji merasa terpanggil untuk melakukan kajian menjurus kepada kesan perbezaan bentuk tulisan Arab dan Jawi bagi kata pinjaman dalam pembelajaran bahasa Arab.

ii) Menjadikan ruang kajian berkaitan linguistik terapan khususnya yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia terbuka luas. Usaha ini

dijalankan dalam meningkatkan penguasaan pelajar dalam bahasa Arab yang merangkumi tiga kemahiran utama iaitu kemahiran komunikasi, membaca dan menulis.

1.4 Persoalan Kajian

Pakar pengajaran menyatakan bahawa bilangan perbendaharaan kata yang seharusnya dimiliki oleh pelajar pada peringkat pertama (menengah rendah) adalah antara 1000 sehingga 1500 patah perkataan (Mohd Rosdi Ismail dan Mat Taib Pa, 2006). Namun begitu ramai pelajar tidak mencapainya, walaupun sebahagian daripada mereka dapat menguasai kosa kata dengan agak baik tetapi masih lemah dalam penulisan bahasa Arab terutama pada perkataan-perkataan yang telah dimelayukan. Kebanyakan daripada mereka terkesan dengan sistem tulisan Jawi dan menyebabkan mereka melakukan kesalahan dalam penulisan. Berdasarkan pengalaman dan pandangan ini, maka beberapa persoalan utama diketengahkan yang akan mendasari kajian ini nanti iaitu :

- 1) Sejauh mana tahap penguasaan pelajar tingkatan dua dan tiga menulis perkataan Arab yang dimelayukan.
- 2) Apakah bentuk kesalahan yang kerap dilakukan ketika menulis kata pinjaman Arab.
- 3) Sejauh mana kesan perbezaan bentuk tulisan Arab dan Jawi mempengaruhi pelajar tingkatan dua dan tiga dalam pembelajaran bahasa Arab.

1.5 Objektif Kajian

Secara keseluruhannya, kajian yang bakal dilaksanakan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana implikasi pengaruh bentuk tulisan Jawi terhadap pembelajaran bahasa Arab khususnya dalam aspek penulisan dalam kalangan pelajar menengah rendah di daerah Jasin, Melaka. Manakala secara khususnya pula, objektif kajian ini adalah sebagaimana berikut:

- 1) Mengenal pasti tahap penguasaan pelajar tingkatan dua dan tiga menulis perkataan Arab yang dimelayukan.
- 2) Menghuraikan bentuk-bentuk kesalahan yang kerap dilakukan pada menulis kata pinjaman Arab.
- 3) Menganalisis sejauh mana implikasi pengaruh tulisan Jawi terhadap penulisan pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

1.6 Hipotesis Kajian

Selaras dengan objektif ini, kajian mengemukakan hipotesis-hipotesis berikut :

- i. Kesalahan disebabkan menulis perkataan Arab sebagaimana ejaan Jawi adalah lebih tinggi jumlahnya berbanding dengan kesalahan-kesalahan lain.
- ii. Tidak ada hubungan yang signifikan antara penguasaan seseorang pelajar dalam kemahiran menulis Jawi dengan kecemerlangan mereka pada menulis perkataan Arab.
- iii. Kelemahan pelajar menengah rendah pada menulis perkataan Arab yang dimelayukan adalah disebabkan pengaruh tulisan Jawi.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini akan dilaksanakan di negeri Melaka yang melibatkan dua buah sekolah agama bantuan kerajaan (SABK) dan dua buah sekolah menengah kebangsaan (SMK) yang menawarkan subjek bahasa Arab sebagai matapelajaran pilihan. Kajian ini akan melibatkan 100 orang pelajar tingkatan dua dan tiga dari empat buah sekolah yang terpilih. Keempat-empat buah sekolah ini merupakan sekolah yang telah lama menjadikan subjek bahasa Arab sebagai subjek pilihan. Sekolah-sekolah tersebut adalah sebagaimana berikut :

- 1) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)
 - i) Sekolah Menengah Kebangsaan DWRG05DKPDQ<D kub.
 - ii) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Tun Perak.
- 2) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
 - i) Sekolah Menengah Arab As-saiyidah Khadijah.
 - ii) Sekolah Menengah Tahfiz Al-Quran, Chenderah.

Kajian ini hanya melibatkan perkara yang berkaitan dengan penguasaan kemahiran menulis perkataan Arab khususnya perkataan yang dimelayukan. Ia hanya terbatas kepada sampel yang hanya diambil daripada populasi empat buah sekolah dalam daerah Jasin sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Sampel kajian yang dipilih adalah berdasarkan secara rawak kelompok iaitu melibatkan para pelajar tingkatan dua dan tiga yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Maklumat mengenai kajian yang diperolehi daripada responden adalah berdasarkan maklum balas daripada kertas ujian yang dijalankan ke atas para pelajar (sampel) dari sekolah-sekolah tersebut.

1.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, bab ini telah menerangkan secara terperinci tentang kandungan kajian secara keseluruhannya yang menjadi teras kepada perbahasan dan perbincangan bagi kajian ini. Perkara-perkara yang telah diterang dan dibincangkan tersebut dianggap sebagai kerangka kajian, yang mana ianya akan menjadi landasan kepada penyempurnaan kajian yang dijalankan. Dengan adanya bab ini, diharapkan ianya lebih terarah dan berfokus serta jelas bagi memenuhi objektif kajian sebagaimana yang telah digariskan.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'ân al-Karîm.

- Abdul Chaer. (1995). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. Ed. Revisi. Jakarta: Reneka Cipta.
- Ab. Halim Mohamad & Wan Muhammad Wan Sulong. (2013). Teknik Pengajaran Bahasa Arab Menggunakan Kata pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu. 3rd *International Conference on Islamic Education 2013*, hlm. 437-446.
- Abdul Jalil bin Anuar, Razali bin Saad, Amir bin Muhammad, Tengku Fauziah binti Ku Mat & Raisah bt Yusuff (pnyt). (2004). *Daftar Kata Bahasa Melayu: Rumi-Sebutan-Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- EG 5DN DWR DML DVVDQ \$KDUL)DNWRU -Faktor Peminjaman Bahasa Asing ke dalam Bahasa Arab: Satu Kajian Linguistik Sejarahwi. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*. 14 (2) 149 ±64.
- Abd Sal'Em, Almad Shaikh. (2006). *Al-Lughawiyy'Et al- mmmah Madkhal Isl'Emi wa Mau ¥ ± Mukht'Érah*. Kuala Lumpur: D'Er al-Tajd'Ed li al-Üib'É ah.
- Abd Sal'Em, Almad Shaikh. (2000). *Madkhal Isl'Em'É il'É al-Lughawiyy'É al- mmmah*. Kuala Lumpur: D'Er al-Tajd'Ed li al-Üib'É ah
- Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004). *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Malaysia. (2008). *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Melayu*. Ed. Baharu. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Arifin Sapar, Nazirah Radin Salim, Ahmad Fikri Hj. Husin & Mat Taib Pa. (2013) Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kata Pinjaman Arab Berasaskan Pengetahuan Sedia Ada. *GEMA Online The Journal of Islamic Education* 1: 48 59.
- Ahmad Kilani Mohamad. (2001). *Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Bar'Éz'É, Majd Mu'ammad al-B Ék'Ér. (1987). *Fiqh al-Lughat al- Arabiyyah*. ÌAmm'En: D'Er Majd LÉw'É
- Al Munjid fÉ al- D D D D* (tanpa pengarang) (1986) bair'Ét: al-Maktabah al- Sharqiyyah.
- Al R'Éji'É Abduh. (1973)*al-Talbf'Éq al- Øarfi*. Bair'Ét : D'Er al-Nahlah al- Ì \$ U D E L \ \ D K
- Al-Ø'Éil, Sub Í'É.(2000). *F'É Fiqh al-Lughah*. Bair'Ét: D'Er al-Ìilm Lilmal'Éy'Én.
- Amat Juhari Moin. (1999). *Perancangan Bahasa : Sejarah Aksana Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amat Juhari Moain. (2010). *Penggubalan Istilah Ilmiah dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amirul Wan Mansor. (2007). Pengejaan Kata Serapan Bahasa Arab. *Berita Harian*. 21 Mac 2007:4.
- Amran Kasimin. (1987). *Perbendaharaan Kata Arab dalam Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohamad Amin. (1993). Kata Pinjaman Arab dalam Bahasa Melayu: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Dewan Bahasa* 37: 49 ±8.

- Aziyun Othman. (2012). Penulisan Hamzah dalam Kalangan Murid dan Guru Bahasa Arab: Satu Tinjauan. *Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab*, Unit Bahasa Arab, fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. hlm. 64-74.
- Bishr, Kamel. (1998). *Dir'asah fī 'ilm al-Lughah*. Kaherah: Dār Gharb.
- Carmel Heah Lee Hsia. (1989). *The Influence of English on The Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Radiah Mezah. (2006). *Analisis Kesilapan Leksikal dalam Karangan Bahasa Arab*. Tesis Ph.D dikemukakan kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Che Radiah Mezah & Norhayuza Mohammad. (2011). *Kosa Kata Arab Teori dan Aplikasi*. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Che Siah Che Man. (2007). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah meng. (2005). *Ilmu Pendidikan Pengetahuan dan Keterampilan Ikhtisas (Semester 1)*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ghalīyūnī, Syekh Musīfī. (1987). *PL-DurEs d-100EDK*. Juzuk 2. Bair'Et: al-Maktabat al-Sūriyah.
- Hasnah Mohamad & Gym Jang Gyem. (2012). Perbandingan Istilah Pinjaman Bahasa Melayu dan Bahasa Korea. *Jurnal Bahasa* 12: 104-114.
- Hasyim Haji Musa. (1999). *Sejarah Perkembangan Tulisan Jawi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Hisyām al-anīrī, Abdullāh Jamīluddīn. (1998). *Qair al-Nadī Wa Ball al-Tadī*. Bair'Et: Dār al-Dī U L I D K
- Idris Mansor. (2002). *Kata Pinjaman Bahasa Melayu daripada Bahasa Arab (A-M), Kajian Perbandingan dari Aspek Penggunaan Berdasarkan Kamus Dewan dan Al-Mukjam Al-Wasit*. Disertasi Sarjana dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Irdirawati Zahid & Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional.
- Jamīh Min Kibīr al-Lughawīyyīn al-Ārab. (1988). *Al-Muġam al-Aġabi al-Asī : al-Munaḍamat al-U D E L -Tadīkiya wa al-Ḥaqīfah wa al-Ā Ĥ P*
- Kamarudin Haji Husin. (1998). *Pedagogi Bahasa (Perkaedahan)*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Shukri Mat Teh & Mohamed Amin Embi. (2012). *Strategi Pembelajaran Bahasa*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamus Dewan. (2007). Ed. Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lado, Robert. (1980). *Mengajar Bahasa Suatu Pendekatan Sainifik*. Ter. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rosdi Ismail & Mat Taib bin Pa. (2006). *Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Mohd Zaki Abdul Rahman. (2001). *Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai dan Kegunaannya*. Tesis Ph.D dikemukakan kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Mohd Zaki Abdul Rahman & Che Radiah Mezah. (2010). *Ciri-Ciri Bahasa Arab Fonetik, Morfologi & Sintaksis*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

- Mokhtar Talib (Matlob). (1989). *Rahsia Belajar Jawi*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara
- Muhammad Abdul Jabbar. (1979). *Arabic Loan Word in Malay*. Kuala Lumpur: percetakan Universiti Malaya.
- Muhammad Bahari Ab. Jabbar. (2011). *Kesilapan Pembentukan Kata Terbitan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar dan Penyelesaiannya*. Tesis Sarjana. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Husaini Haji Bahrudin. (2002). *Sistem Tulisan Jawi*. Selangor: Pustaka Wira Sdn. Bhd.
- Mustafa Hj. Daud. (1996). *Bahasa Dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naimah Abdullah. (1995). *Masalah Ejaan Arab Di kalangan Pelajar Melayu*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya
- Noor Anida binti Awang, Norhayati binti Che Hat & Nurazan binti Mohmad Rouyan. (2014). Analisa Kelemahan Kemahiran Menulis Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar UNISZA. *Prosiding Seminar, Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam UKM & Fakulti Kontemporari Islam UniSZA*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill Sdn. Bhd.
- Parker, Frank. (1994). *Linguistik untuk Bukan Ahli Linguistik*. Ter. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- QudĒr, Āmad Mu ĩammad. (1999). *Madkhal ilĒ Fiqh al-Lughat al-Arabiyyah*. Damsyik: DĒr al-Fikr.
- Siti Fatimah Saad. (2013). Kaedah Pengajaran Kemahiran Menulis Bahasa Arab di Peringkat Sekolah Rendah. *Proceeding of International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*, hlm. 176 -185.
- Syahirah AlmuĒdin. (2012). *Analisis MorfoFonologi Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Arab*. Tesis Sarjana dikemukakan kepada Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Syarifah Alwiah Alsagoff. (1986). *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Heinemann Sdn. Bhd.
- T. Collins, James. (2003). *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- YaĀqĒb, ImĒ BadĒ . (1992). *al Mamn ĩ Min al Ēarf Baina Madhahib al NuhĒ wal WĒqi n al LughawĒ*. BairĒt: DĒr al Jail
- Wan Salsa Biila Wan Norudin. (2008). *Kata Pinjaman Bahasa Arab yang Sama di Dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu: Satu Kajian Makna*. Disertasi Sarjana dikemukakan kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin, Faizal Mohamed Sultan, Harishon Radzi & Mohd Shabri Yusof. (2011). Pemeriksaan Jati Diri Bahasa Melayu: Isu Penyerapan Kata Asing. *Jurnal Melayu* 6: 13-27.
- Zaharani Ahmad, Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2011) Penyerapan dan Pengubahsuaian Konsonan Arab dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa* 11: 109 -119.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Maizura Osman. (2013). Harmoni Vokal dan Degeminasi dalam Kata Pinjaman Arab: Analisis Tatatingkat Kekangan. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 13 (3): 193-209.

- = D L Q D O \$ E L G L Q \$ K H D U M e n g a r a n g M e d a y u . Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin Ahmad (2009) *Rahsia Ejaan Jawi*. Ed. Ejaan Rumi. Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zikrawahyuni Maiza. (2010). *Kata Pinjaman Bahasa Arab dalam Bahasa
Minangkabau*. Disertasi Sarjana dikemukakan kepada Fakulti Pengajian
Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

